BERITA | MALAYSIA

# NUTP setuju cadangan Kementerian Pendidikan mansuh UPSR

November 28, 2016 20:49 MYT




Persepi sesetengah masyarakat yang menganggap 'A' itu semata-mata sebagai kayu ukur kualiti seseorang murid perlu diubah. - Foto Astro AWANI

**KUALA LUMPUR**: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) bersetuju dengan cadangan Kementerian Pendidikan untuk memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Presidennya Kamarozaman Abd Razak berkata, keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Ahli Majlis NUTP ke-9 yang berlangsung hari ini dan melibatkan 73 anggota exco kesatuan tersebut.

"NUTP bersetuju dengan cadangan kementerian untuk mansuhkan UPSR dengan syarat mereka rujuk kepada kami dahulu.

"Kementerian perlu melibatkan kami dalam perbincangan termasuk ketika melakukan kajian mengenai perkara tersebut," katanya pada sidang media selepas mesyuarat itu di sini, hari ini.

Jelasnya, keputusan itu dibuat untuk mengurangkan tekanan kepada guru di negara ini selain mengubah persepi sesetengah masyarakat yang menganggap 'A' itu semata-mata sebagai kayu ukur kualiti seseorang murid.

Kamarozaman bagaimanapun berkata pemansuhan UPSR tidak bermakna murid tidak akan dinilai sama sekali terutama berhubung kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

"Murid akan tetap dinilai tetapi oleh sekolah masing-masing dan bukannya berorientasikan peperiksaan berpusat semata-mata," katanya.

Semalam, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid dilaporkan berkata kementeriannya akan memuktamadkan sama ada memansuhkan UPSR atau sebaliknya pada tahun hadapan.

Katanya, cadangan tersebut dipertimbangkan dengan mengambil kira pandangan ahli akademik tempatan, modul-modul luar negara yang diketengahkan seperti Perancis, Finland dan Korea Selatan serta agensi berkaitan selain guru-guru berpengalaman di sekolah.

Sementara itu, Kamarozaman berkata pihaknya meminta Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Bahagian Pembangunan Kurikulum kementerian supaya mendedahkan kepada orang awam skema pemarkahan bagi UPSR baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas dakwaan sesetengah pihak yang mempersoalkan prestasi guru berikutan peratusan murid yang mendapat keputusan semua A dalam UPSR tahun ini hanya 1.11 peratus dari jumlah keseluruhan 440,782 calon.

-- BERNAMA

Tag: NUTP, UPSR, pemansuhan UPSR, prestasi murid, peperiksaan, sekolah rendah